

03 JUL 1999

KELAB SENATOR MINTA HAMZAH MAT ZAIN LETAK JAWATAN SENATOR

KUALA TERENGGANU, 3 Julai (Bernama) -- Kelab Senator Malaysia hari ini meminta Senator Hamzah Mat Zain yang menyertai Parti Keadilan Nasional meletakkan jawatan senator.

Setiausaha Agungnya Senator Rosli Mat Hassan berkata Hamzah perlu meletakkan jawatan kerana pelantikannya sebagai senator bagi penggal kedua adalah atas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Cadangan itu berdasarkan sumbangannya kepada Umno. Kini dia tidak lagi ahli Umno, oleh yang demikian wajar baginya meletakkan jawatan sebagai senator," katanya di sini, hari ini.

Beliau juga meminta Hamzah menarik balik tohmahan yang dibuat ke atas Dr Mahathir dan Umno dalam kempen-kempen untuk parti Keadilan.

Menurut Rosli, sepanjang pengetahuannya di Dewan Negara, Hamzah sering memberi pandangan positif kepada kepimpinan Perdana Menteri dan Umno dan kemasukannya dalam parti Keadilan adalah atas dasar peribadinya sendiri.

Hamzah ialah bekas anggota Parlimen Chenderoh sebelum dilantik sebagai senator. -- BERNAMA

sbs zb